

Menghargai demokrasi

Wilayahku - 24/7/2020 m/s:14



Oleh AB JALIL BACKER

Presiden Angkatan Karyawan Nasional (AKAR)

MENARIK sekali menonton perbincangan, perbalahan dan pergaduhan Ahli Parlimen sejak bermulanya Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas (2020) Dewan Rakyat 13 Julai yang lalu.

Malah pada hari pertama lagi terdapat kontroversi dan pertelingkahan sehingga mengakibatkan Ahli Parlimen Khalid Samad, (Shah Alam - Amanah) dihalau keluar Dewan kerana berterusan membantah pelantikan Yang Di-Pertua (Speaker) yang baharu, Datuk Azhar Azizan Harun.

Pada hari yang sama Dewan menjadi kecoh dengan bantahan Ahli Parlimen Pakatan Harapan apabila Datuk Seri Azeez Rahim (Baling - BN) kerana menyindir Kasthuri Pato (DAP-Batu Kawan) dengan perkataan "gelap, tak nampak, sila pakai bedak." Untuk rekod Azeez meminta maaf keesokannya.

Keanyakan rakyat mengkritik perilaku kurang elok Ahli Parlimen yang bertekak, menengking dan membuat

bising mengganggu sidang.

Namun untuk berlaku adil juga ia bukanlah berlaku setiap masa sehingga menjejaskan fungsi sebenar Dewan Rakyat untuk membahas dan memutuskan hal-hal dasar negara dan kepentingan rakyat.

Dalam kebanyakan masa sidang Dewan adalah membosankan yang penuh dengan peraturan dan soal jawab berasaskan fakta. Justeru sebelum kita memandang terlalu negatif, bayangkan jika Dewan Rakyat sekadar forum akademik tanpa sindiran, sinisan dan kritikan tajam.

Maka pasti tidak ramai yang mahu menonton dan mengambil tahu hal sidang.

Dalam masa yang sama ada juga yang mahu memainkan isu sentimen kasihan kepada Ahli Parlimen tertua, Tun Dr Mahathir Mohamad (Langkawi - Bebas) dan Ahli Parlimen termuda, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman kerana kelihatan seperti dibuli oleh Ahli Parlimen lain.

Realitinya Dewan Rakyat bukan tempat untuk anda mencari simpati sebagai wakil rakyat termuda atau tertua. Ia seharusnya tempat 'heavyweight' politik beradu pemikiran, petah berkata-kata

dan bertukar sindiran politik.

Selama 22 bulan lalu, Datuk Seri Mohd Najib Razak (Pekan - BN) bukan sahaja menerima sindiran dan sinisan, malah dituduh dengan pelbagai tuduhan dalam ucapan pemimpin tertua dan termuda Dewan Rakyat.

Apakah Najib Razak yang berusia 66 tahun bukan orang tua yang perlu dihormati? Realitinya, jika anda mahu penghormatan sebagai orang tua yang lemah, maka duduklah di masjid dan rumah kenduri.

Jika anda mahu anak muda diberi peluang berucap tanpa gangguan maka masuklah ke dalam rancangan debat universiti atau forum akademik.

Dewan Rakyat bukan tempat meraih simpati berdasarkan usia. Anda memilih berada di situ.

Jika sesiapa yang bersimpati dengan Dr Mahathir pada hari pertama, mereka perlu menonton ucapan beliau pada 20 Julai yang penuh dengan pelbagai tuduhan dan hasutan kebencian ke atas Najib Razak.

Walaupun saya sentiasa menyokong kebebasan bersuara di Parlimen dan tidak perlu terlalu menghormati perbezaan umur dalam menyampaikan pandangan, namun Dr

Mahathir melanggar segala norma demokrasi dalam ucapan beliau.

Tindakan berterusan mengulas kes Najib yang sedang dibicarakan di mahkamah di dalam perbincangan Dewan Rakyat

sangat bertentangan dengan amalan demokrasi dan keadilan.

Sejak 24 bulan lepas Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan kini bekas Perdana Menteri telah menggunakan pelbagai platform untuk meyakinkan masyarakat bahawa Najib telah bersalah atas tuduhan-tuduhan yang dikemukakan di mahkamah.

Sebagai orang yang berpengaruh Dr Mahathir tidak sewajarnya menyalah guna Dewan Rakyat dan peribadinya bagi memberi tekanan kepada kehakiman. Lebih tidak wajar Dr Mahathir menggunakan kekebalan Parlimen bagi melindungi dirinya dan melemparkan kenyataan-kenyataan berat sebelah.

Anehnya pada petang 21 Julai, Dr Mahathir pula bangun

“ Sebagai orang yang berpengaruh Dr Mahathir tidak sewajarnya menyalah guna Dewan Rakyat dan peribadinya bagi memberi tekanan kepada kehakiman. Lebih tidak wajar Dr Mahathir menggunakan kekebalan Parlimen bagi melindungi dirinya dan melemparkan kenyataan-kenyataan berat sebelah. ”

membantah penerangan Azeez Rahim mengenai isu Tabung Haji (TH). Menurut Dr Mahathir Dewan Rakyat bukan tempat membuat penjelasan. Penjelasan harus dibuat di mahkamah.

Azeez secara bersahaja mengingatkan Dr Mahathir bahawa beliau tidak didakwa di mahkamah atas sebarang kes melibatkan penyelewengan TH seperti yang cuba digambarkan oleh PH.

Berpuluh tahun jadi Perdana Menteri, Dr Mahathir masih tidak boleh menghormati prinsip asas keadilan. Adalah sangat mengecewakan Dr Mahathir menjadi contoh yang tidak baik dalam amalan demokrasi negara ini.

* *Pandangan ini tidak semestinya mewakili akhbar Wilayahku.*